

bah

PERHATIAN: UTUSAN/UBH

Mahathir-ucapan

93 8  
KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Berikut ialah terjemahan teks ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disampaikan di Universiti Islam Antarabangsa sempena ulang tahun ke-10 universiti itu hari ini:

"Saya berasa bangga berada bersama saudara sekalian hari ini untuk memperingati ulang tahun ke-10 penubuhan Universiti Islam Antarabangsa. Alhamdulillah, universiti ini kini terkenal sebagai sebuah pusat pengajian tinggi yang dihormati bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia Islam. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah menunjukkan bahawa sebuah universiti Islam yang dirancang penubuhannya secara teratur boleh mencapai tahap kecemerlangan setanding dengan universiti-universiti yang telah lama wujud di rantau ini dan di tempat-tempat lain. Tidak syak lagi pencapaian ini sebahagian besarnya adalah hasil wawasan dan kebijaksanaan kakitangan akademik dan pengurusan universiti ini. Mereka telah membentuk universiti ini menjadi apa yang dapat kita lihat hari ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka di atas dedikasi dan kejayaan yang telah dicapai.

Idea menubuhkan sebuah universiti Islam di Malaysia telah dicetuskan oleh pelbagai pihak di kalangan rakyat Islam sejak merdeka pada 1957. Sebagai seorang rakyat Malaysia beragama Islam, saya turut mempunyai wawasan itu dan merasa gembira yang saya telah dapat menyumbang sedikit sebanyak terhadap penubuhannya. Saya telah banyak didorong oleh sokongan Almarhum Prof Ismail Al-Faruqi.

Lazimnya, terdapat pandangan dalam sesebuah negara Islam bahawa sesebuah universiti Islam kononnya hendaklah secara eksklusif menawarkan pengajian dalam bidang Islam sahaja. Pandangan sempit ini mungkin boleh difahami jika ia membabitkan agama-agama lain yang tidak menganggap agama sebagai satu cara hidup. Islam bukan hanya satu kepercayaan, satu akidah. Islam ialah satu cara hidup (addin). Dan satu cara hidup yang mencakupi setiap tingkah laku seseorang sepanjang hayatnya, hendaklah meliputi penguasaan segala ilmu yang boleh menyumbang terhadapnya. Begitulah pentingnya ilmu dalam Islam seperti yang termaktub dalam surah Al-Chashiyah bahawa, hendaklah kita memerhati gunung-ganang dan unta. Jelaslah ini kesemuanya contoh ciptaan Allah dan jelas jua bahawa ia ada kaitan dengan kehidupan. Memerhati sesuatu ialah mengkajinya. Tiada sekatan dikenakan ke atas sejauh mana kajian boleh dilakukan terhadap ciptaan Allah. Sudah tentunya Islam ialah satu agama yang secara positif menggesa umatnya mengkaji keadaan sekeliling dan yang merupakan sebahagian daripada kehidupan kita. Kajian demikian sebenarnya merupakan ilmu sains dan apakah hasil yang boleh diperolehi daripada pemerhatian kita jika tidak ilmu sains? Namun demikian, masih terdapat umat Islam yang mahu menghadkan pengajian dan pengejaran ilmu hanya kepada bidang teologi dan perundangan Islam. -- Lagi.

▼24/08/18-55MSY

Sebuah universiti Islam tidak boleh menghadkan pengajian kepada bidang teologi semata-mata. Semua mata pelajaran yang diajar di universiti Islam hendaklah juga diajar dengan kesungguhan yang sama di universiti Islam. Siswazah universiti Islam hendaklah serba boleh dan berpengetahuan serta boleh hidup dan menyumbang kepada cara hidup umat Islam dalam semua aspek. Mereka perlu tahu bagaimana hendak mentadbir diri dan ummah, dan bagaimana untuk membangun dan mempertahankan diri sebagaimana mereka tahu dan menunaikan ibadat Islam.

Jika sebuah universiti Islam mengajar mata pelajaran yang sama dengan yang diajar di universiti lain, apakah yang membuatnya universiti Islam? Ini satu persoalan yang wajar. Satu cara hidup tidak hanya berdasarkan kepada ilmu. Ia juga perlu berdasarkan kepada nilai-nilai tertentu, satu budaya. Dengan kata lain, ia hendaklah merupakan sebahagian daripada satu tamadun Islam tersendiri. Untuk mengetahui nilai-nilai ini memerlukan sekurang-kurangnya pengetahuan asas agama Islam, terutama yang membabitkan pemikiran, penilaian dan reaksi kita terhadap masalah kehidupan.

Tidak semua orang dalam masyarakat Islam perlu mempunyai pengetahuan sedalam-dalamnya mengenai agama Islam. Memadai jika terdapat seorang atau beberapa orang yang berpengetahuan demikian. Yang lainnya perlu mempunyai pengetahuan yang cukup agar tidak menyimpang daripada ajaran Islam. Dalam sebuah universiti Islam, setiap pelajar perlu diajar secukupnya mengenai agama Islam agar menjadikannya seorang Muslim yang baik yang mempraktikkan ajaran agama. Ia juga perlu dibimbing supaya dalam menggunakan ilmu pengetahuan yang diperolehi, ia tidak akan menyimpang daripada ajaran dan cara Islam. Dengan cara demikian, seseorang pelajar itu bukan sahaja akan berpengetahuan dalam bidangnya tetapi sudah pasti tidak akan menyalahgunakannya atau menggunakan ilmu pengetahuan itu dengan cara yang ditegah oleh agama. Memandangkan Islam bukan sekadar menegah tetapi juga menggesa umatnya melakukan apa sahaja yang positif dalam kehidupan, pelajar berkenaan mestilah tahu cara yang betul untuk menggunakan ilmunya mengikut cara Islam dan kehendak Islam.

Persoalannya ialah sebanyak manakah pengetahuan Islam yang dianggap memadai bagi seseorang? Di sinilah terdapat perbezaan pendapat. Ada yang mahukan pengetahuan Islam yang mendalam dan meluas sehingga mengetepikan ilmu-ilmu lain. Ada pula yang begitu cetek pengetahuan Islam mereka hingga memungkinkan ia diabaikan sama sekali. -- lagi.

## Mahathir-ucapan 3 Kuala Lumpur

Mereka yang merancang universiti ini hanya dapat berkata yang ia harus mengeluarkan siswazah yang berpegang teguh kepada ajaran Islam sambil menimba ilmu yang boleh menyumbang kepada kehidupan mereka yang lebih baik dan seterusnya kepada peningkatan ummah. Terpulanglah kepada para cendekiawan untuk menentukan tahapnya. Apa yang dihasratkan ialah siswazah universiti Islam bukan sahaja berpengetahuan dalam bidang ilmiahnya tetapi merupakan seorang Muslim yang serba berpengetahuan dan pegangan agamanya bukan sekadar diwarisi tetapi diperkukuhkan dengan pemahaman. Ia akan meninggalkan universiti berkeadaan lengkap untuk membina dan menghayati satu cara hidup yang benar-benar Islam.

Kita tidak boleh katakan bahawa umat Islam pada hari ini umumnya mengamalkan cara hidup Islam. Bagaimana hendak kita katakan demikian sedangkan kita lihat umat Islam berpecah belah, malah ada yang berperang, lemah, mundur dan hampir sepenuhnya bergantung kepada belas ihsan dan budi bicara orang lain untuk menjaga keselamatan mereka? Walaupun umat Islam, sebagaimana termaktub dalam al-Quran, diperintah supaya bersedia mempertahankan diri, jelas sekali bahawa kita tidak terdaya berbuat demikian. Di mana sahaja kita lihat umat Islam ditindas dan tiada rakyat atau negara Islam mana pun yang terdaya memainkan peranan menyekat penindasan, menegakkan keadilan dan mewujudkan keamanan.

Tidak ada satu pun kuasa besar Islam. Dan tiada sebuah negara Islam yang jauh ke hadapan dalam bidang-bidang ilmu, teknologi mahupun bidang pengurusan dan pentadbiran. Walhal, kita tahu dan sedar yang agama Islam menekankan ilmu dan kemahiran dalam bidang-bidang yang boleh memperkuat dan mempertahankan ummah. Jauh daripada memperkuat diri, kita malah menghakiskan segala sumber yang ada dengan berpecah belah dan bersengketa sesama sendiri kerana isu-isu remeh. Sedangkan kita sepatutnya menyelesaikan masalah sesama sendiri mengikut prinsip dan ajaran Islam, kita meminta bantuan daripada mereka yang sememangnya tidak mungkin mempunyai sebarang simpati terhadap Islam atau rakyat Islam. Justeru itu, kita tidak boleh mendakwa bahawa kita mengamalkan cara hidup Islam. -- lagi

## Mahathir-ucapan 4 Kuala Lumpur

Sedang penunaian ibadat tertentu yang diwajibkan adalah penting dalam melaksana amalan Islam dan penzahiran akidah kita, amalan cara hidup Islam adalah sama seperti penzahiran akidah itu. Kita percaya kepada akhirat dan terhadap ganjaran dan hukuman Tuhan. Tetapi Islam, lebih daripada agama lain, adalah mengenai kehidupan sebelum mati. Sebab itulah Islam adalah satu cara hidup. Itulah satu-satunya cara Islam boleh menjadi cara hidup. Jika kehidupan semata-mata ditumpukan kepada kematian dan akhirat, maka Islam tidak boleh menjadi cara hidup seperti yang kita akui.

Kita bertuah menjadi Muslim. Kita menjadi Muslim kerana mereka yang menerima Islam pada zaman Nabi S.A.W. mengamalkan cara hidup Islam. Mereka tidak sahaja kuat berpegang kepada akidah mereka tetapi mengamalkan cara hidup Islam. Hasilnya, masyarakat Arab yang berpindah randah dan mundur menjadi begitu kuat dan amat berpengetahuan tentang cara mengendalikan hidup sebagai individu dan sebagai negara dan dapat menyebarkan Islam di luar tanah air mereka yang gurun. Pengajaran agama hari ini menekankan kepada ibadat dan perkara-perkara yang haram, tidak kira betapa remeh. Hakikat bahawa kehendak agama mementingkan penimbaan ilmu dan peningkatan kemahiran tidak dihiraukan. Jika pun diberi perhatian, ilmu ditafsirkan sebagai ilmu Islam dan undang-undang yang terbit daripada penafsirannya sahaja.

Terdapat juga kemiripan untuk memisahkan pengetahuan kepada hal agama dan sekular. Ini sebenarnya selari dengan pemisahan yang dibuat dalam agama Kristian antara negara dan gereja, agama dan keduniaan, yang terhasil daripada kebencian terhadap pengaruh gereja yang terlampau dalam urusan negara.

Adakah dalam Islam perbezaan antara kehidupan seharian dengan ketaatan suruhan agama? Jika Islam satu cara hidup, bolehkah cara itu dipisahkan daripada ibadat? Kita tahu itu tidak mungkin. Kehidupan kita berlandaskan sepenuhnya pada ajaran Islam. Dan kehidupan kita mestilah termasuk apa yang kita lakukan untuk hidup. -- lagi.

Mahathir-ucapan 5 Kuala Lumpur

Untuk melakukan semua ini, ia memerlukan kemahiran dan pengetahuan.

Nabi Muhamad S.A.W terkenal kerana kemahirannya dalam perniagaan dan kebijaksanaannya dalam hal ehwal dunia. Faktor ini menyumbangkan kepada penghormatan yang tinggi dari masyarakat Mekah dan Madinah kepada Baginda dan ini menyebabkan Baginda berjaya menyampaikan wahyu. Baginda mempunyai pengetahuan yang luas dalam hal ehwal kehidupan seharian serta keagamaan.

Bagaimana harus kita terima tesis Kristian bahawa agama hendaklah dipisahkan daripada hal ehwal sekular? Pemisahan seperti ini tidak boleh wujud dalam Islam. Jika pemisahan seperti ini tidak ada, pemisahan antara pengetahuan sekular dan pengetahuan agama juga tidak wujud.

Oleh sebab itu pelbagai disiplin yang mesti ditumpu, diajar dan sebarkan oleh sebuah universiti Islam adalah sebahagian daripada ajaran agama. Ia bukan sekular. Pengetahuan berkenaan perkara yang tidak bersabit soal ibadat dan undang-undang agama mestilah masih dikawal oleh keperluan kepada Islam sebagai satu cara hidup, dan nilai serta objektif yang digariskan. Pengetahuan seperti ini bukannya sekular. Ia adalah sebahagian daripada Islam dan mesti seimbang dengan pengetahuan ibadat serta undang-undang Islam.

Kegagalan untuk belajar dan memahirkan diri dalam perkara ini yang bukan khusus bersangkutan dengan agama, akan mendedahkan orang Islam kepada bahaya kehilangan agama mereka. Perkara ini berlaku terutamanya bila dalam keadaan kemiskinan harta dan ilmu pengetahuan, mereka akan tunduk kepada tekanan luar, malahan kepada penaklukan dan keganasan. Bahkan juga jika mereka berada dalam keadaan miskin dan kurang pengetahuan dalam pelbagai ilmu pengetahuan, mereka dalam keadaan bahaya dihalang daripada mengamalkan ibadat mereka. Oleh itu usaha mereka mencari ilmu dan kemahiran, intelektual atau kekayaan kebendaan adalah sebahagian daripada usaha untuk mempertahankan kepercayaan mereka -- sebahagian juga daripada tuntutan amalan agama dan cara hidup mereka. Penjelasan Al-Quran dalam isu kemiskinan adalah jelas. Kemiskinan mendekatkan seseorang kepada kekufuran. Dan kita mesti ingat kemiskinan bukan hanya daripada segi harta benda, tetapi juga daripada segi keintelektualan dan kemahiran lain. -- lagi.

Mahathir-ucapan 6 Kuala Lumpur

Sekali lagi jelas kepada kita bahawa umat Islam mesti mengejar semua bidang ilmu demi mempertahankan kepercayaan mereka. Oleh sebab mereka melupakan ilmu pengetahuan yang tidak bersabit soal keagamaan dan peratiran-peraturannyalah, menyebabkan mereka menjadi lemah dan terdedah kepada penganiayaan, dan dalam banyak hal, sehingga menggugat kepercayaan mereka. Oleh demikian, amat penting bagi mereka yang berpegang penuh kepada kepercayaan mereka, membetulkan tanggapan sempit mengenai Islam ini dan terus menuntut ilmu yang dapat menyumbang kepada pemeliharaan agama Islam dan cara hidup Islam. Untuk mencapai matlamat ini, semua umat Islam -- lelaki dan wanita -- mesti menyumbang tenaga kerana dengan mengetepikan wanita bermakna mengurangkan tenaga kita kepada separuh.

Kita tidak perlu kepada bentuk kebebasan hak wanita seperti yang berlaku di dunia barat, tetapi kita mesti ingat bahawa Islamlah yang memberikan hak tertentu kepada wanita. Malangnya dalam usaha untuk tidak dibebankan dengan masalah wanita, kita telah menyingkirkan wanita daripada usaha mengejar kejayaan intelektual dan penglibatan dalam kehidupan awam.

Keruntuhan agama di barat seharusnya menjadi amaran kepada kita. Jika kita bersikap terlalu liberal dalam interpretasi kita mengenai Islam, ia juga boleh runtuh. Tetapi ketakutan kepada kemungkinan ini tidak seharusnya membawa kita untuk menghalang atau mengubah sesuatu walaupun ia dibenarkan oleh Islam. Kita mesti sentiasa sedar dan menghormati had-had sebenar yang dikenakan dalam Islam dan mesti sentiasa mematuhiinya. Di mana Islam memberi kelonggaran, ia harus digunakan. Tetapi pada setiap masa, kepentingan ummah serta agama mesti sentiasa dilindungi.

UIA ditubuhkan untuk melindungi ilmu pengetahuan Islam yang sebenarnya, dalam konteks dunia kini yang berubah dengan pesat sejak kedatangan Islam. Ia bermaksud untuk membantu umat Islam menghadapi sebarang masalah dunia moden tanpa menjejaskan kepercayaan mereka terhadap Islam. Ia untuk memastikan tanggapan umat Islam terhadap dunia diimbangi antara hidup dan selepasnya. Ia bermaksud untuk menguatkan kepercayaan bahawa Islam adalah agama untuk sepanjang zaman. -- lagi.

CNS8194

R GB 24-08 00247 BA678

bah

Mahathir-ucapan 7 (Akhir) Kuala Lumpur

Adalah jelas tugas universiti ini dan semua yang terlibat dengannya adalah amat besar. Ia tidak kurang daripada matlamat membantu mengembalikan kegemilangan Islam dan umatnya. Semestinya ia tidak bersendirian dalam perjuangan ini. Ia mungkin hanya menyumbangkan sebahagian kecil daripada usaha ini. Tetapi sumbangan kecil boleh memberikan makna yang besar kepada agama Islam dan umatnya.

Saya sedar bahawa ramai orang mungkin tidak setuju dengan pandangan saya. Tetapi sebagai seorang Islam, adalah menjadi kewajipan saya menyuarkan semua ini walaupun saya mungkin akan dikritik terutamanya oleh golongan ortodok. Islam dan umatnya telah jauh ketinggalan. Ada sebahagian orang yang juga tidak akan mengakui hakikat ini. Ada sebahagian orang yang akan membuat pengakuan bahawa terdapat kebangkitan Islam yang besar pada masa ini. Tetapi yang sebenarnya, belum ada dalam sejarah, Islam dihina seperti pada masa ini, dan belum ada ketika umat Islam tergugat dalam kepercayaan mereka seperti sekarang.

Saudara-saudara di universiti ini, sama ada pengajar atau pelajar, mempunyai tanggungjawab yang berat. Saudara adalah sebahagian daripada perjuangan untuk mengembalikan kegemilangan Islam, mengembalikan kepercayaannya, mengembalikan kehormatan dan kedaulatan Islam dan mengembalikan peranan ummah dalam hel ehwal dunia. Saudara mesti lakukan ini tanpa melupakan akhirat. Saudara mesti sentiasa dapat mencapai keseimbangan di antara kedua-duanya.

Universiti ini bukan seperti universiti-universiti lain. Universiti ini universiti Islam. Ia mempunyai tanggungjawab kepada ummah dan Islam dan saudara mempunyai tanggungjawab kepada ummah dan Islam. "

-- Bernama